

Banjir tak pernah **seteruk ini**

Penduduk Kampung Serai mahu semua pihak ambil tanggungjawab supaya insiden tak berulang

NORAFIZA JAAFAR

KUANG - Banjir dua kali dalam tempoh tiga hari di Kampung Sungai Serai minggu lalu adalah yang terburuk dan didakwa berpunca daripada projek pembangunan di kawasan berhampiran.

Meskipun penafian dibuat pihak terbabit namun penduduk menegaskan insiden itu berlaku disebabkan pembangunan tidak terancang.

Penduduk, Lim Chee Hong, 61 berkata, dia kesal dengan sikap tidak mahu bertanggungjawab terhadap insiden tersebut dengan memberikan alasan banjir yang berlaku disebabkan faktor hujan lebat luar jangka.

"Saya sudah duduk sini sejak umur lapan tahun dan tak pernah rumah saya banjir sampai teruk macam ni. Habis semua barang elektrik rosak

dan sudah tiga malam tak tidur lena kerana belum habis bersih rumah.

"Memang saya kecewa dengan sikap pihak yang lepas tangan dan tak datang bertemu penduduk. Kami bukan mahu sangat wang mereka cukup jika mereka bagi jaminan kejadian sama tak berulang lagi," katanya kepada Sinar Harian.

Penduduk yang juga



Keadaan banjir yang melanda kampung Sungai Serai Selasa lalu memberikan tekanan buat penduduk yang ada antaranya tidak dapat mengawal kemarahan memaksa bantuan anggota polis bagi mengawal keadaan.



SUHAIRI



ZAINAL ABIDIN

Nazir Masjid Kampung Sungai Serai, Suhairi Abd Shukur, 59 berkata, dia dan juga penduduk tidak menyangka air naik mendadak hingga memaksa mereka menyelamatkan diri berbanding harta benda.

"Rumah saya terletak sebelah palong jadi bila sudah melimpah, airnya akan masuk rumah saya dahulu. Tak sangka boleh banjir seteruk

ini.

"Berapa banyak kali lagi kami kena hadapi masalah sama," katanya.

Dalam pada itu katanya, dia berharap kerja penyelenggaraan anak sungai dan kolam takungan dinaik taraf sebelum projek mega tersebut diteruskan.

"Bahagian teknikal kena masuk campur dan selesaikan masalah perparitan di kampung kami.

"Saya harap semua pihak berwajib ambil tindakan dan jalankan tugas masing-masing supaya masalah sama tak berulang," katanya.

Penyelaras Pusat Khidmat Masyarakat Dun Kuang, Salasiah Disa berkata, insiden banjir tersebut



Penduduk masih menjalankan kerja mencuci dan pembersihan meskipun insiden telah berlaku empat hari.

adalah terburuk yang menimpa Kampung Sungai Serai dan beberapa kawasan lain termasuk Bandar Baru Kundang.

"Pihak berwajib telah tu-

run padang dan mengkaji punca kejadian, beberapa perkara telah dalam perhatian dan tindakan. Pertemuan bersama pihak berkaitan akan diatur bagi mendapatkan

penjelasan dan perancangan jangka masa panjang bagi memastikan insiden tidak berulang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi JKKK kampung Sungai Serai, Zainal Abidin Abu Bakar berkata, rumahnya tidak terkecuali dinaiki air dan memahami situasi dihadapi penduduk.

"Kampung kami tak pernah naik air seteruk ini, itu sebab penduduk sangat marah sehingga hampir berparang sebelum diredakan oleh polis Selasa lalu," katanya.

Insiden banjir pada 16 dan 18 April lalu telah menyebabkan sebahagian besar penduduk kampung tersebut menjadi mangsa keadaan dan sekurang-kurang tiga pusat pemindahan dibuka bagi menyediakan keperluan bantuan awal.

DARI MATA TINTA
SELANGORfm

INI KISAH
DISKAUN 25